



UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)
09300 Kuala Ketil,
Kedah Darul Aman.

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET KENDERAAN

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

| BIL. | Keterangan Aset | Nombor Pendaftaran Kenderaan | Kuantiti |
|------|--------------------------|------------------------------|----------|
| 1 | TOYOTA CAMRY 2.0 G | KCV5000 | 1 |
| 2 | TOYOTA INNOVA 2.0 G (AT) | KCV6000 | 1 |
| 3 | KIA PREGIO FPGDH55 | KCA200 | 1 |

2. Aset-aset ini boleh dilihat pada **8 Julai 2024 (Ahad) hingga 9 Julai 2024 (Isnin)** di antara jam **10 pagi hingga jam 3 petang** di **Perkarangan Bahagian Pembangunan & Penyenggaraan, UniSHAMS, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih UniSHAMS (Aset.UniSHAMS-17) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda **UniSHAMS (B): ASET/171/01-2021.sj2 (190)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

Unit Perolehan dan Aset
Pejabat Bendahari, Aras 2, Bangunan Canselori
Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak,
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul
Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS),
09300 Kuala Ketil Kedah Darul Aman

5. Tarikh tutup sebut harga pada **11 Julai 2024 (Khamis)** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
6. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan Pegawai Aset Universiti, UniSHAMS **Pn. Najdah binti Abdul Samat** di talian **04-499 1030**.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **UniSHAMS Sdn. Bhd.**
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as is-where-is basis*).
5. UniSHAMS tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan UniSHAMS berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota: Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan UniSHAMS.

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu/ Syarikat :
 No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :
 Alamat :

Kepada :

Unit Perolehan dan Aset
Pejabat Bendahari, Aras 2, Bangunan Canselori
Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak,
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul
Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS),
09300 Kuala Ketil Kedah Darul Aman

Tuan,
 Tawaran Untuk Sebut Harga No : **UniSHAMS (B): ASET/171/01-2021.sj2 (190)**

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

| Bil. | Jenis Aset | Kuantiti | Harga Tawaran (RM) | Deposit Sebut Harga |
|------|------------|----------|--------------------|---------------------|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank, No. _____ atas nama **UniSHAMS Sdn. Bhd.**

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cap Syarikat :